



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## SIARAN MEDIA

### PERMOHONAN KE PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI SESI I : 2026/2027 KINI DIBUKA

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa permohonan kemasukan pelajar Sesi I: 2026/2027 ke program Sijil dan Diploma di 36 buah Politeknik dan 106 buah Kolej Komuniti telah dibuka. Permohonan melalui eBorang MyPOLYCC ini boleh dibuat mulai **27 Februari 2026 (5.00 Petang) hingga 27 Mac 2026 (5.00 petang)** secara dalam talian menerusi pautan <https://ambilan.mypolycc.edu.my>.

Tawaran ini terbuka kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2024 ke bawah, lulusan Sijil Politeknik, lulusan Sijil Kolej Komuniti, lulusan Sijil Vokasional Malaysia (Kolej Vokasional), lulusan sijil Institut Kemahiran Tinggi PERDA, lulusan sijil Institut Kemahiran MARA, lulusan sijil Institut Pertanian Malaysia dan Lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3). Manakala kategori baharu turut diperluaskan kepada lulusan **Program Vokasional Menengah Atas (PVMA)** dan lulusan **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2**.

Permohonan turut dipanjangkan kepada murid yang tamat pengajian tingkatan lima, sekolah pendidikan khas bagi kemasukan ke 12 program Sijil Khas Kemahiran bagi kumpulan **murid Orang Kurang Upaya (OKU)** yang ditawarkan di lima (5) buah politeknik dan 12 buah kolej komuniti. Namun demikian, pelawaan ini terhad kepada kumpulan murid kategori masalah pendengaran dan masalah pembelajaran. Selain itu, pemilik **sijil APEL** turut dipelawa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil dan Diploma.

Sebanyak **33,000 tempat** disediakan dalam pelbagai bidang pengajian bagi sesi I: 2026/2027 dengan tarikh pendaftaran pelajar baharu bermula **14 Jun 2026** bagi program asasiambilan sesi I: 2026/2027, manakala **21 Jun 2026** bagi program Diploma, Sijil dan Sijil Khas Kemahiran.

Pihak Jabatan ingin memaklumkan bahawa berkuat kuasa mulai Sesi I: 2026/2027, terdapat pindaan nama program seperti berikut:

1. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi)**.
2. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan Automasi)**.
3. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Plastik) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Plastik Perindustrian)**.
4. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Perindustrian)**.
5. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Loji) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan**

**Mekanikal (Loji Kuasa).**

6. Diploma Kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik) ditukar kepada **Diploma Kejuruteraan Elektronik.**

Bagi memperkasakan program pengajian, jabatan ini turut memperkenalkan **Program Eksklusif NAVALTech@PSA** melalui kerjasama antara **Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)** dan **Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)**. Inisiatif di bawah Nota Kerjasama (MoU) yang dimeterai pada 20 Mei 2025 antara JPPKK dan TLDM ini bertujuan membekalkan tenaga kerja teknikal yang berkemahiran serta berdisiplin tinggi. Pihak TLDM mensasarkan **pengambilan seramai 200 orang calon setahun** bagi **Skim Diploma Tugas Khusus (DTK) TLDM** iaitu **lantikan ke skim juruteknik TLDM**. Program NavalTech@PSA ditawarkan melalui **empat program pengajian di PSA** iaitu:

- **Diploma Kejuruteraan Mekanikal**
- **Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan Industri)**
- **Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)**
- **Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)**

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan ini, sila ajukan kepada Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK seperti alamat berikut:-

**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ  
KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,  
ARAS 6, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN  
PERDANA, 62100 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA.**

**No. Tel : 03 - 8888 3837**  
**No. Whatsapp : 03 – 8888 5625**  
**E-mel : jppkk.ambilan@mohe.gov.my**  
**Facebook : polyccofficial**  
**Instagram : polyccofficial**  
**X : polyccofficial**  
**Threads : polyccofficial**

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
27 Februari 2026**